

## Dalam Negeri

# Tiada masalah ambil bekas banduan bekerja

Oleh SAFINA RAMLI  
utusannews@mediamulia.com.my

**GEORGE TOWN:** Majikan tidak perlu bimbang mengambil bekas banduan bekerja kerana golongan itu tidak mendatangkan masalah kepada mereka.

Pemilik syarikat pembersihan Alpha Sphinx Malaysia Sdn. Bhd., K. Suraidran, 40, berkata, sejak membuka peluang kepada bekas banduan untuk bekerja, dia tidak berdepan masalah besar atau kejadian serius.

Katanya, sepanjang tempoh 2019 hingga tahun ini, lebih 200 Orang Bebas Berlesen (OBB) dan Orang Diparol (ODP) bekerja di syarikatnya yang menjalankan perniagaan mencuci kenderaan serta membersihkan bangunan di sekitar Pulau Pinang.

"Saya berharap lebih ramai majikan dapat membuka peluang pekerjaan kepada OBB dan ODP untuk menjalani latihan kerja dan membantu mereka memulakan hidup baru. Sejak 2019, lebih 200 OBB dan ODP menjalani latihan kerja bersama syarikat saya dan saya dapat mereka juga berkemahiran seperti pekerja-pekerja lain."

"Daripada 200 orang yang saya ambil bekerja dan menjalani latihan kerja, sekitar satu peratus sahaja yang bermasalah. Masalah kecil itu adalah," katanya di sini semalam.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan, sentimen negatif masyarakat yang masih tebal terhadap bekas banduan walaupun sudah dihukum di sebalik 'tirai besi' untuk satu jangka masa panjang adalah faktor uta-



**BEKAS** banduan yang diterima bekerja dengan syarikat pembersihan Alpha Sphinx Malaysia Sdn. Bhd. di George Town, Pulau Pinang, baru-baru ini.

ma menyebabkan mereka kembali melakukan jenayah.

Berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia (JPM) bermula 2011 hingga 2022, peratusan banduan yang dibebaskan kemudian dipenjarakan semula adalah 18.6 peratus (jumlah kesmasukan residivis 37,551 orang) daripada 202,348 orang.

Berdasarkan kesalahan yang dilakukan bagi tahun 2022, kategori pesalah dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) dan Akta Penagih Dadah (APD) pula sebanyak 77.2 peratus atau 50,080 orang dari 64,862 orang.

Menurut Suraidran, ketika menyuarakan hasrat bekerjasama dengan Jabatan Penjara bagi membuka peluang pekerjaan kepada OBB dan ODP, ramai kenalannya meminta dia berfikir

semula tentang perkara itu.

"Ramai yang takut untuk membuka peluang pekerjaan kepada banduan, tetapi saya fikir mereka juga layak diberikan peluang kedua dalam hidup."

"Jadi pada 2019, saya mula buka peluang kepada OBB dan ODP yang mana saya ambil dua hingga tiga orang bekerja dahulu. Saya lihat mereka tidak data ngkan masalah," katanya.

Suraidran berkata, kesemua ODP dan OBB yang diambil bekerja di syarikatnya diberikan gaji mengikut kadar yang ditetapkan kerajaan, tempat tinggal, makanan dan latihan kerja.

Dalam pada itu, seorang bekas banduan, Ooi (bukan nama sebenar), 40, mengakui peranan masyarakat menerima dan memberi peluang kedua kepada

bekas banduan menjadi faktor penting membantu golongan berkenaan memulakan kehidupan baharu.

Ooi adalah salah seorang bekas banduan yang dapat menjalani kehidupan normal semula selepas diberikan peluang bekerja di syarikat pembersihan yang dimiliki Suraidran.

Dia yang merupakan OBB menjalani hukuman penjara kira-kira 10 bulan atas kesalahan berkaitan dadah dan bersyukur kerana diberikan peluang pekerjaan sebagai pekerja di kedai mencuci kenderaan.

"Sebelum ini saya bekerja sebagai tukang masak di sebuah hotel, saya memang tiada pengalaman dalam bidang pembersihan terutama berkaitan kenderaan," katanya.

## Masyarakat pandang serong bekas banduan

**PETALING JAYA:** Gara-gara enggan berdepan dengan stereotaip masyarakat yang gemar memandang serong, ada bekas banduan yang lebih selesa berada di sebalik 'tirai besi' walaupun berhasrat mahu berubah dan memulakan hidup baharu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar psikologi, Prof. Datuk Dr. Mariani Md Nor berkata, kebanyakan bekas banduan tidak diberi sokongan atau peluang oleh masyarakat selepas dibebaskan.

Kata beliau, perkara tersebut

membuat bekas-bekas banduan ingin kembali ke dalam 'lubuk lama' kerana ketika berada dalam penjara, mereka mendapat bantuan dan sokongan terutama daripada segi emosi.

"Masyarakat kita adalah kelompok yang sangat stereotaip, masyarakat yang tidak mahu mempunyai fikiran lebih terbuka. Bagi mereka kalau sudah menjadi banduan tetap banduan, kekal mempunyai sifat-sifat jahat."

"Jadi, bekas-bekas banduan akan balik kepada 'kisah lama'

atau 'lubuk mereka' kerana di dalam lebih selesa yang mana mereka diberi makanan, minuman serta pakaian. Malah, banduan sesama banduan ini menyokong antara satu sama lain dari segi sosial dan emosi.

"Jadi bukan sikap mereka boleh kita salahkan tetapi lebih kepada masyarakat, sikap kemanusiaan serta persekitaran yang gagal membantu bekas-bekas banduan berubah dan meneruskan kesinambungan hidup yang sihat," katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu, akhbar ini mendakwa, 18.6 peratus atau 37,551 orang yang bebas dipenjarakan semula sejak tahun 2011 hingga 2022 dan antara faktor utama perkara tersebut terjadi adalah kegagalan masyarakat menerima mereka masuk ke dalam komuniti semula.

Dr. Mariani berkata, terdapat bekas banduan ingin kembali ke pangkuhan keluarga namun tidak diterima dan terdapat juga yang sukar untuk hidup di dunia luar apabila tidak diberi peluang untuk mencari rezeki halal.

## Filem *Mentega Terbang* diharamkan

**PUTRAJAYA:** Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengharamkan penayangan filem kontroversi, *Mentega Terbang* di negara ini.

Perkara itu diputuskan menerusi warta bertarikh 1 September lalu yang ditandatangani Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Menurut warta berkenaan, larangan itu dibuat menerusi Perintah Penapisan Filem (Larangan) 2023 turut mencakupi larangan pameran, pengedaran, pemilikan, penyebaran atau penjualan filem.

"Menteri melarang penayangan, pameran, pengedaran, pemilikan, penyebaran atau penjualan filem yang diperihalkan dalam jadual bertentangan dengan kepentingan awam di seluruh Malaysia."

"Bagi maksud perintah ini, filem yang disebut dalam sub perenggan, hendaklah termasuk bahan publisiti filem itu," menurut warta berkenaan.

Berdasarkan warta itu juga, jadual yang dimaksudkan merujuk kepada tajuk filem iaitu *Mentega Terbang*, arahan Khairil Anwar terbitan Anomalist Production dan Meng Kheng Entertainment.

Filem *Mentega Terbang* dilihat menyentuh perbezaan dan persamaan agama-agama utama di Malaysia selain mendapat kritikan orang ramai dan pengiat seni berikutan tayangannya di platform dalam talian.

Selain itu, tular beberapa sedutan babak tertentu dalam filem itu yang memaparkan watak utama bernama Aisyah tanpa berselindung meminta daging babi daripada rakan bukan Islamnya untuk dimakan, selain bapanya membenarkan Aisyah keluar dari Islam dan memeluk agama lain.

Sedutan babak tular itu kemudian mengundang marah warga maya yang mempersoalkan bagaimana filem itu dibenarkan untuk tontonan umum.